

09/05/1998

G15 turun taraf isu sekretariat

Mior Kamarul Shahid in Kaherah

KAHERAH, Jumaat - Cadangan untuk menubuhkan sebuah sekretariat tetap bagi negara-negara membangun Selatan-Selatan dalam Kumpulan 15 (G15), tidak akan dijadikan agenda penting dalam sidang puncak ketua-ketua negara dan kerajaan G15 kelapan, bermula di sini, Isnin ini.

Malaysia yang mengemukakan kertas kerja mengenai penubuhan sekretariat itu, sebagaimana diputuskan dalam sidang puncak G15 ketujuh di Kuala Lumpur November tahun lalu, mencadangkan agar sekretariat itu tidak perlu ditubuhkan. Ini kerana ia akan menimbulkan pelbagai masalah termasuk implikasi kewangan, bentuk sekretariat yang akan ditubuhkan dan menentukan negara yang akan menguruskan ibu pejabat sekretariat berkenaan. Penubuhan sekretariat itu juga akan menyebabkan pelbagai karenah birokrasi.

Sebaliknya, Malaysia berpendapat adalah memadai segala urusan mengenai G15 diuruskan menerusi Kumpulan Kemudahan Sokongan Teknikal (TSF) sedia ada. TSF yang beribu pejabat di Geneva, bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek G15. Ia diuruskan tiga pegawai.

Bagaimanapun, disebabkan tidak ada kata sepakat mengenainya, cadangan penubuhan sekretariat itu akan dibincangkan dalam sidang akan datang di Kingston, Jamaica tahun depan.

Perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat wakil khas ketua-ketua negara dan kerajaan G15, semalam. Perwakilan Malaysia diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamed.

Hari ini, menteri perdagangan dan ekonomi negara-negara G15 mengadakan perbincangan diikuti persidangan menteri-menteri luar. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak itu. Sebelum itu, beliau melakukan lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Bercakap kepada wartawan Malaysia, Kadir berkata, satu lagi masalah logistik yang timbul ialah berhubung menentukan anggota Troika.

Troika ialah kedudukan tiga negara anggota G15 yang memegang status pengerusi, mewakili Amerika Latin, Afrika dan Asia. Pada masa ini anggota Troika ialah Malaysia, Mesir dan Jamaica atas kedudukan sebagai tuan rumah sidang kemuncak G15 dalam tempoh tiga tahun.

Malaysia menjadi tuan rumah G15 tahun lalu, Mesir tahun ini dan Jamaica tahun depan. Status Malaysia sepatutnya berakhir tahun ini.

Bagaimanapun, disebabkan Mesir akan menjadi tuan rumah G15 tahun 2000, berlaku pertindihan yang mana Mesir akan memegang dua jawatan itu tahun depan. Ini bermakna Asia tidak diwakili.

Berikutan itu mesyuarat peringkat wakil khas ketua-ketua negara dan kerajaan mencadangkan Malaysia terus diberi tugas itu untuk satu penggal lagi.

Masalah ini timbul kerana tahun ini sepatutnya sidang G15 diadakan di Kingston, Jamaica tetapi disebabkan negara itu mengadakan pilihan raya, Mesir menawarkan diri untuk menganjurkan sidang berkenaan. Giliran sebenar Mesir ialah pada tahun 2000.

Pegawai-pegawai kanan itu juga membincangkan isu yang mungkin dibangkitkan oleh ketua-ketua negara dan kerajaan sepanjang persidangan tiga hari itu.

Mereka juga sudah siap merangka deraf pernyataan bersama yang akan dikemukakan kepada peringkat menteri perdagangan dan ekonomi dan menteri luar, seterusnya kepada ketua-ketua negara dan kerajaan G15.

Kadir juga berkata, komitmen daripada negara-negara anggota begitu

menggalakkan dalam sidang G15 kali ini.

Dalam sidang yang dijangka dihadiri 13 ketua negara dan kerajaan atau timbalan mereka, menunjukkan mereka menganggap G15 sebagai forum begitu penting terutamanya dalam keadaan ekonomi dan pasaran wang yang tidak menentu hari ini.

Mereka menunjukkan komitmen yang begitu tinggi dipercayai kerana mahu mengetahui masalah yang dihadapi sesetengah negara yang sudah mengalami masalah ekonomi dan bersiap sedia seandainya masalah yang sama menimpa negara mereka.

Sebelum ini rekod kehadiran menunjukkan hanya Malaysia dan Zimbabwe menghadiri semua sidang berkenaan, diikuti India.

Dari segi yuran tahunan, sebahagian besar negara anggota menunaikan komitmen masing-masing. Sehingga Mac tahun ini, G15 mengumpul AS\$8.146 juta.

Mengenai projek G15, Kadir berkata, Malaysia mencadangkan supaya projek yang tidak bergerak diuruskan negara anggota tertentu, dirombak. G15 mempunyai 21 projek.